

KONSEP FIRASAT MENURUT AL-QURAN: ANALISIS TEMATIK WACANA MUFASSIRIN

Abur Hamdi Usman & Hafiz Ahmad

Department of Dakwah & Usuluddin, Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia. Tel: (60) 011-1907 0551. Email: aburhamdi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Al-Quran merupakan kalam suci Allah SWT yang mengandungi petunjuk dan mengungkapkan solusi terhadap pelbagai perkara yang membelenggu minda manusia. Dewasa ini, kecelaruan fahaman dan ideologi telah menyerang pemikiran masyarakat Islam terutamanya berkaitan firasat. Kesalahfahaman mengenai konsep ini boleh menyebabkan berlakunya kerosakan akidah dalam diri seorang Muslim serta mencabul keharmonian interaksi dalam masyarakat Islam. Rentetan itu, ruang lingkup perbincangan dalam artikel ini meliputi pandangan mufasirin berkaitan firasat dan implikasi terhadap kefahaman yang salah terhadap konsep ini. Menerusi metode kajian kualitatif, kajian ini mendapati beberapa ayat dalam al-Quran yang membincangkan tentang firasat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Kebanyakannya menjelaskan bahawa firasat yang sebenar hanyalah terdapat pada diri seorang hamba yang beriman kepada Allah SWT dengan keimanan yang paripurna. Malahan firasat mukmin itu mengandungi peringatan daripada Allah SWT kepada hambanya.

Kata Kunci: *Firasat; Tematik; Tafsir; Mufasirin; Pemikiran; Masyarakat*

THE CONCEPT OF CLAIRVOYANCE FROM THE QURAN: THEMATIC ANALYSIS IN EXEGETES DISCOURSE

ABSTRACT

The Quran is the holy words of Allah which contains guidance and reveals the solutions to various problems of humans. Nowadays, ideological disorder have attacked the minds of the Muslims, especially in the clairvoyance (firasat) matter. A misunderstanding of this concept could cause damage in pure faith and violating the harmony of interaction within the Islamic community. Hence, this article deals on the views of Quranic Exegetes and its implications for the wrong understanding of this concept. By adopting qualitative method, this study found several verses in the Quran that discuss on clairvoyance either directly or indirectly. Mostly explain that the real clairvoyance reflects on Muslim who believes in Allah with complete faith. In fact, the believer's clairvoyance consist of warning from Allah to His servants.

Keywords: *Clairvoyance; Thematic; Exegesis; Exegetes; Thought; Community*

1. Pendahuluan

Al-Quran adalah kitab suci yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril AS untuk manusia dijadikannya sebagai petunjuk dan pedoman hidup mereka. Ianya menyeluruh meliputi akidah, syariat mahupun yang berkaitan mengenai persoalan tentang kehidupan dan ini menyebabkan al-Quran masih relevan dijadikan bahan kajian oleh golongan intelektual kerana ia sesuai sepanjang peredaran zaman (Usman, Wazir, & Ismail, 2017). Umat manusia hari ini, penuh dengan kekeliruan di dalam diri mereka dalam memahami sesuatu yang mereka tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Begitu juga dengan firasat manusia yang kadang kala diterjemahkan dengan maksud yang sebenar bahkan terdapat juga yang menyimpang ke arah kesesatan. Ekoran daripada itu, al-Quran diturunkan sebagai penunjuk jalan yang benar kepada mereka yang tersasar ke arah kesesatan (Ibrahim, Usman, & Ali, 2014).

Firasat merupakan suatu keadaan dalam diri seseorang yang mampu mengetahui sesuatu perkara dengan mengkaji segala penandanya. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *Muhammad* ayat 30:

وَلَوْ نَشَاءُ لَأَرَيْنَاكُمْ فَلَعَرَفْتَهُمْ بِسِيمَاهُمْ وَلَتَعْرِفَنَّهُمْ فِي لَحْنِ الْقَوْلِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ أَعْمَالَكُمْ ﴿٣٠﴾

Maksudnya:

Dan sekiranya Kami kehendaki, tentulah Kami akan memperkenalkan mereka kepadamu (wahai Muhammad), lalu engkau tetap mengenalinya dengan tanda-tanda (yang menjadi sifat) mereka dan demi sesungguhnya, engkau akan mengenali mereka dari gaya dan tutur katanya dan (ingatlah kamu masing-masing), Allah SWT Mengetahui segala yang kamu lakukan.

Namun begitu, tidak dapat dinafikan terdapat sebahagian masyarakat Islam tidak memahami maksud firasat dengan kefahaman yang benar, malahan terdapat segelintir dari mereka yang mempunyai kefahaman yang amat jauh menyimpang dari kebenaran. Justeru, firasat dianggap sebagai suatu perbuatan yang berbeza dan sering disalaherti sebagai membuat tilikan atau tengok nasib untuk ‘melihat’ masa hadapan yang nyata ditegah dalam Islam. Ini menyebabkan berlakunya kerosakan akidah dari kesalah fahaman di dalam memahami sesuatu perkara dan boleh menyebabkan keimanan seseorang menjadi terseleweng. Sebenarnya membuat firasat lebih bersifat mengkaji, meneliti dan menganalisis fizikal manusia seperti wajah dan air muka untuk mendapatkan maklumat tentang seseorang tanpa perlu bersoal jawab (Aziz, & Yunos, 2018).

2. Firasat: Etimologi dan Terminologi

Perkataan firasat merujuk kepada lafaz *al-Mutawasimīn* dalam surah *al-Hijr* ayat 75. Firasat secara etimologi menurut Abū Ishāq Ibrāhīm al-Zajjāj (w. 310 H.) seperti yang dinukilkan oleh Abū ‘Abdullah Muḥammad ibn ‘Umar ibn al-Ḥusīn al-Taimī al-Bakrī al-Ṭabaristānī Fakhr al-Dīn al-Rāzī (w. 606 H.) ialah orang yang tetap dalam pandangannya sehingga mampu mengetahui nilai sesuatu, sifat dan tandanya (al-Rāzī 1981/19: 208). Dalam *Mu‘jam Alfāz al-Qur‘ān al-Karīm* perkataan *al-Mutawasimīn* dari sudut makna bahasa ditakrifkan sebagai seseorang yang menguasai hakikat sesuatu perkara (Anon, 1990/2: 1179).

Muhammad Al-Amīn ibn Muḥammad al-Mukhtār ibn ‘Abd al-Qādir ibn Muḥammad ibn Aḥmad Nūḥ ibn Muḥammad al-Mukhtār (1325-1393) atau pun dikenali sebagai al-Shanqīṭī dalam *Tafsīr Aḍwā’ al-Bayān* (1995/2: 287) menjelaskan bahawa asal perkataan *al-*

tawassum adalah meletakkan tanda, yakni isyarat kepada sesuatu yang membezakannya dengan selainnya. Dikatakan: *توسمت فيه الخير إذا رأيت ميسمه فيه* (saya menandainya atas kebaikan apabila saya melihat, maka saya tandakan padanya). Manakala ulama dalam hal ini mempunyai pandangan yang berdekatan dengan merujuk seluruh maknanya kepada satu perkara. Daripada Qatādah, *al-Mutawasimīn* ialah *al-mu'tabirīn* (orang yang mengambil pengajaran). Daripada al-Mujāhid pula, *al-Mutawasimīn* ialah *al-mutafarrisīn* (orang-orang yang memiliki firasat) *al-mutafarrisīn* (orang-orang yang memiliki firasat). Daripada Ibn 'Abbās dan al-Ḍahḥāk pula, *al-Mutawasimīn* ialah *al-nāzirīn* (orang yang berfikir) (al-Farrā' 1955/2: 91). Dan daripada sebahagian penduduk Madina, *al-Mutawasimīn* ialah *al-muta'ammilīn* (orang-orang yang memperhatikan). Sehubungan dengan itu, Taqī al-Dīn Aḥmad ibn Taimiyyah al-Jarrānī (w. 728 H.) merumuskan bahawa dari sudut Bahasa *al-Mutawasimīn* mengandungi makna seperti yang telah disebutkan di atas (Ibn Taimiyyah, 2005/17: 68).

Dari segi terminologi firasat bermaksud keupayaan intuitif untuk menembusi batasan suatu perkara yang dapat didefinisikan kepada dua makna; (i) Satu bidang ilmu pengetahuan mengenai tanda-tanda pada muka (badan dan lain-lain) untuk mengetahui kelakuan atau nasib orang, dan (ii) Perasaan hati bahawa akan terjadi sesuatu sesudah melihat tanda-tanda tertentu (Noresah, et. al. 2007: 412; Hasan Hj. Hamzah, 2006: 416). Dengan begitu, firasat adalah yang dapat difahami sebagai kekuatan batin yang dimiliki seseorang dalam membaca keadaan atau peristiwa yang akan terjadi. Dalam kalangan sufi, firasat bererti anugerah Allah SWT berbentuk kemampuan dalam menangkap isyarat-isyarat suatu keadaan yang akan terjadi (Heri, et. al., 2008: 372).

Selain itu, firasat akan datang secara tiba-tiba, tanpa disedari oleh si penerima dan segala anggapan yang berlawanan (kontradiksi) dengannya akan ditolak. Ianya merupakan pengetahuan yang diperolehi tanpa melalui proses pemikiran yang tertentu, tetapi terlintas sesuatu kebenaran di dalam diri. Ianya juga dikenali dengan istilah 'ilham' atau pun pandangan *baṣīrah* (tembus) yang dikurniakan oleh Allah kepada ulama (Yusuf, & Ibrahim, 2015). 'Abd al-Karīm ibn Ḥawāzīn al-Qushairī (376-465 H.) di dalam *Risālah al-Qushairiyyah* menjelaskan bahawa firasat adalah nuansa yakni merasakan perbezaan dan kelainan yang datang secara tiba-tiba ke dalam hati, yang menafikan segala sesuatu yang berlawanan dengannya (al-Qushairī, 2007: 321). Kontradiksi di sini bermaksud tiada pertentangan yang berlaku di dalam sesuatu keadaan. Apabila seseorang diberikan firasat di dalam diri mereka, tidak akan berlaku pertentangan di antara firasat dengan sesuatu lain. Hal ini kerana apabila berlakunya pertentangan, ia akan menjadi *ẓan* iaitu sangkaan dan dugaan.

Sesebuah dugaan itu boleh jadi betul dan boleh juga menjadi tidak benar. Walau bagaimanapun, Allah SWT melarang hambaNya dan menyuruh menjauhi dari berprasangka dan dugaan, kerana sebahagian prasangka dan dugaan itu adalah dosa. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah *al-Hujurat* ayat 12:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اٰجْتَنِبُوْا كَثِيْرًا مِّنَ الظَّنِّ اِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ اِثْمٌ وَّ لَا تَجَسَّسُوْا وَّلَا يَعْتَبْ بَعْضُكُمْ بَعْضًا
اَيُّجِبُّ اَحَدُكُمْ اَنْ يَّاْكُلَ لَحْمَ اَخِيْهِ مَيِّتًا فَكَرِهَتْهُمْ وَّ اتَّقُوا اللّٰهَ اِنَّ اللّٰهَ تَوَّابٌ رَّحِيْمٌ ﴿١٢﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari

kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha mengasihani.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1996, 2: 463) mengatakan bahawa firasat hanya terjadi melalui penanaman iman. Selamanya, tidak akan ada firasat tanpa iman. Iman diserupakan dengan tanaman sebab ianya selalu bertambah, tumbuh dan bersih dengan siraman, buahnya dapat dihasilkan setiap waktu atas izin Allah SWT, akarnya teguh dan cabangnya menjulang ke langit. Barangsiapa yang menanam iman di 'bumi' hatinya yang baik dan bersih, kemudian menyiramnya dengan 'air' keikhlasan, kejujuran dan *mutāba'ah*, maka sebahagian daripada buahnya adalah firasat.

Daripada penerangan di atas, firasat merujuk kepada kelebihan atau keistimewaan seorang hamba Allah SWT untuk mengetahui dan melihat sesuatu yang di luar jangkauan daripada keupayaan makhluk, dan jangkauan mereka yang berfirasat itu sesungguhnya tepat, benar tanpa keraguan. Ketepatan orang yang berfirasat ini seperti tepatnya busur panah ke arah sasarannya dan hanya tersasar apabila berlakunya was-was di dalam diri mereka sehingga menyebabkan firasatnya tidak tepat dan tidak benar. Di dalam *Risālah al-Qushairiyyah*, al-Qushairī (2007: 321) menukilkan kalam Abū Sa'īd al-Kharrāz yang berbicara mengenai firasat:

Barangsiapa melihat dengan cahaya firasat bererti dia melihat dengan cahaya Allah SWT dan sumber ilmunya berasal dari Allah SWT. Dia dapat melihat tanpa lupa dan lalai. Hukum kebenaran Tuhan mengiringi gerakan lidahnya. Manusia seperti ini berbicara dengan menggunakan pancaran sinar kebenaran Tuhan. Ucapannya yang menyatakan dia memandang dengan cahaya Allah SWT ertinya dia melihat dengan cahaya yang dikhususkan Allah SWT kepadanya.

Manakala Al-Ḥusīn ibn Mansūr mengatakan (al-Qushairī 2007: 328):

Orang yang mempunyai firasat dapat mengenai sasarannya dengan panah pertama yang dilepaskannya. Ia tidak pernah berpaling pada penafsiran, spekulasi, ataupun dugaan.

Dengan begitu, sumber utama dan juga neraca kepada sumber lain dalam Islam adalah al-Quran dan al-Sunnah. Sumber-sumber lain diterima secara terbuka dan meluas, termasuklah cetusan idea akal manusia, intuisi, firasat dan ilham hatinya serta pengalaman hidupnya sama ada dalam konteks seorang individu atau sebagai suatu peradaban besar (Ramli, & Ab Majid, 2005).

3. Konsep Firasat Menurut Al-Quran

al-Quran menyentuh perkara berkenaan firasat, sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah *al-Hijr* ayat 75:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّلْمُتَوَسِّمِينَ ﴿٧٥﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang memerhatikan tanda-tanda.

Perkataan *li al-Mutawasimīn* pada ayat ini hanya disebutkan satu kali di dalam al-Quran (Muḥammad Fu‘ād ‘Abd al-Bāqī: 841), yang mana para mufassirin membincangkan maksud di sebalik frasa ayat *li al-Mutawasimīn* itu membawa maksud kepada orang yang mempunyai firasat.

Abū Ja‘far Muḥammad ibn Jarīr al-Ṭabarī (838-923M) di dalam tafsirnya *Jāmi‘ al-Bayān fi Ta‘wīl al-Qur‘ān* menafsirkan surah *al-Ḥijr* ayat ke 75, yakni dalam perbuatan Kami membinasakan dan menimpakan azab kepada kaum Luth) terdapat tanda-tanda bagi orang yang berfirasat dan mengambil pelajaran daripada tanda-tanda Allah SWT, serta pelajaran tentang akibat bagi orang yang berbuat kufur dan maksiat kepadaNya. Di antara makna *al-Mutawasimīn* ialah *Ahl al-Ta‘wīl* (ahli tafsir), *al-mutafarrisīn* (orang-orang yang memiliki firasat), *al-Nāzirīn* (orang yang memperhatikan), *al-Mu‘tabirīn* (orang yang mengambil iktibar), *al-Mutafakkirīn* (orang yang berfikir) (al-Ṭabarī, 2009/17: 120). Rasulullah SAW bersabda menerusi riwayat daripada Abū Sa‘īd al-Khudrī RA:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اتَّقُوا فِرَاسَةَ الْمُؤْمِنِ فَإِنَّهُ يَنْظُرُ بِنُورِ اللَّهِ ثُمَّ قَرَأَ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِلْمُتَوَسِّمِينَ

[al-Tirmidhī, *Kitāb Tafsīr al-Qur‘ān, Bāb Wa min surah al-Ḥijr*, No. 3127, hadis *gharīb*]

Maksudnya:

Awaslah kamu dengan firasat orang yang beriman, kerana orang mukmin itu memandang sesuatu adalah dengan cahaya Allah SWT. Kemudian Rasulullah SAW membaca ayat “Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Kami) bagi orang-orang yang memerhatikan tanda-tanda” .

Walaupun hadis ini sanadya lemah, namun maknanya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Kerana Allah SWT memberikan kekuatan kepada orang yang beriman, yang mana hal itu tidak diberikan kepada hambaNya yang lain. Banyak perkara yang membuktikan bahawa orang yang beriman mampu memandang sesuatu dengan tepat. Kekuatan yang dianugerahkan oleh Allah SWT tersebut, tidak terhad kepada cara berfikir, melihat, menilai, memutuskan suatu perkara ataupun menyelesaikan masalah. Akan tetapi, kekuatan tersebut mencakup seluruh aspek kehidupan ini. Orang yang beriman mempunyai kelebihan kekuatan dalam bersabar menghadapi ujian dan cubaan, karena dia yakin bahawa hanya Allah SWT sahaja yang mampu menyelamatkan dan memberikan jalan keluar daripada dugaan tersebut, sekali gus berharap akan mendapatkan pahala di sisiNya dan akan menambah ketinggian derajatnya di akhirat kelak.

Abū al-Fidā’ Ismā‘īl ibn ‘Umar ibn Kathīr (1303-1373) dalam kitabnya *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Azīm* menyebutkan bahawa makna *al-Mutawasimīn* sebagaimana yang dinukilkan daripada Mujāhid ialah *al-mutafarrisīn* (orang-orang yang memiliki firasat). Sebahagian penduduk Madinah pula memahami makna *al-Mutawasimīn* dengan *al-Muta‘ammilīn* (orang yang memperhatikan). Daripada Anas ibn Mālik RA berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda (Ibn Kathīr 2002, 4: 543):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ لِلَّهِ عِبَادًا يَعْرِفُونَ النَّاسَ بِالتَّوَسُّمِ .

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah SWT itu memiliki hamba-hamba yang mengetahui manusia melalui firasat.

Hamba-hamba yang dimaksudkan pada hadis *hasan* ini ialah orang soleh yang mana di dalam hatinya tidak pernah kosong dari mengingati Allah SWT dan terhindar dari perkara-perkara yang boleh menjerumuskan ke arah kemaksiatan kepada Tuhannya.

al-Shanqīṭī (1995/2: 287) menafsirkan firman Allah SWT di dalam surah *al-Hijr* ayat 75 bahawa Allah SWT menjelaskan bencana yang dialami oleh kaum Nabi Luth AS itu terdapat tanda-tanda kekuasaan Allah SWT bagi mereka yang mahu memperhatikannya, sehingga menghasilkan satu nasihat dan pelajaran bagi mereka, serta menimbulkan rasa takut dari perbuatan maksiat kepada Allah SWT yang dapat menurunkan azab seperti yang diturunkan kepada kaum Nabi Luth AS, disebabkan kederhakaan kaum Nabi Luth AS terhadapNya dan pendustaan mereka terhadap RasulNya. Makna ini juga dijelaskan di beberapa tempat lain, seperti firman Allah SWT dalam surah *al-'Ankabūt* ayat 35:

وَلَقَدْ تَرَكْنَا مِنْهَا آيَةً بَيِّنَةً لِّقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya kami tinggalkan daripadanya satu tanda yang nyata bagi orang-orang yang berakal.

Menurut Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau lebih dikenali sebagai HAMKA (1908-1981) di dalam kitab tafsirnya *Al-Azhar* menghuraikan bahawa orang yang mempunyai firasat adalah mereka yang dapat melihat gerak geri suasana zaman. *al-Mutawasimīn* di ertikan sebagai orang-orang yang berfikiran dalam, yakni orang yang mendalam firasatnya. Ertinya, dengan melihat keadaan yang disebut situasi dan keadaan, orang yang beriman dan berfikiran dalam itu telah dapat menafsirkan apa yang akan terjadi di belakang dan di hadapannya (HAMKA, 2007/5: 3871). HAMKA turut menukil pandangan Qatādah yang menafsirkan frasa ayat *li al-Mutawasimīn* sebagai *li al-Mu'tabirīn* iaitu orang yang pandai mengambil iktibar dan ibrah dari satu kejadian. Manakala Ibn 'Abbās menurut HAMKA pula mengertikan dengan *li al-Nāzirīn* ertinya orang yang berpandangan jauh. Yang bermaksud seseorang yang sudah berfikir sesuatu perkara itu sebelum ia berlaku (HAMKA, 2007/5: 3871).

M. Quraish Shihab di dalam tafsirnya *Al-Mishbah* mencerakin makna lafaz *al-Mutawassimīn* yang merupakan bentuk jamak daripada kata *al-mutawassim*. Ianya berasal daripada akar kata *al-tawassum* yang pada mulanya bererti 'berfikir dengan tekun serta meneliti dengan saksama'. Justeru *al-Mutawassimīn* adalah mereka yang memperhatikan dengan saksama tanda dan petunjuk-petunjuk, mencari sebab-sebab dan akibat sesuatu, serta mengambil pelajaran daripadanya yang membuktikan sebahagian daripada sifat orang-orang mukmin (M. Quraish Shihab, 2009/6: 493). M. Quraish Shihab menukil pandangan al-Biqā'ī yang memahami penggunaan *al-Mutawassimīn* dalam surah *al-Hijr* ayat 75 sebagai ejekan kepada kaum musyrikin yang mengaku sebagai *al-Mutawassimīn*, iaitu orang-orang yang memiliki kemampuan untuk mengambil pengajaran. Malangnya justeru mengabaikan sekian banyak ayat-ayat al-Quran yang disampaikan kepada mereka. Sifat mereka itu sungguh bertentangan dengan orang-orang mukmin yang memadai dengan satu ayat dari sekian banyak ayat Ilahi untuk dijadikan iktibar. Boleh jadi perkara ini menjadi salah satu sebab mengapa ayat 75 menggunakan bentuk jamak bagi lafaz *ayāt* ketika membicarakan tentang

al-Mutawassimīn, sedangkan pada ayat 77 menggunakan bentuk tunggal *ayah* ketika menghuraikan tentang orang-orang beriman. Menurut M. Quraish Shihab (2009/6: 493) juga bahawa bentuk jamak bagi *al-Mutawassimīn* untuk mengisyaratkan bahawa mereka baru dapat menyandang firasat itu apabila mereka telah melakukan pengkajian secara teliti dan mempertimbangkan segala aspek dan tanda sehingga hasil yang diperolehi kelak adalah sah dan dipercayai.

4. Implikasi Makna Firasat Kepada Masyarakat Islam

Firasat yang benar dianugerahkan Allah SWT kepada orang yang hatinya sudah bersih, suci dan bebas dari kekotoran maksiat dan orang itu mestilah dekat kepada Allah SWT. Sebagaimana yang dinukilkan oleh Jalāl al-Dīn Abū Bakr al-Suyūṭī (1445-1505) yang membincangkan Shāh Shujā‘ al-Kirmānī (733-786 H.) seorang penyair, Iran (al-Suyūṭī, 1987: 89)

وَقَالَ عَمْرُو بْنُ نُجَيْدٍ : ” كَانَ شَاهُ الْكِرْمَانِيِّ حَادًّا الْفِرَاسَةِ لَا يُخْطِئُ “. ” وَيَقُولُ : ” مَنْ عَضَّ بَصْرَهُ عَنِ الْمَحَارِمِ ، وَأَمْسَكَ نَفْسَهُ عَنِ الشَّهَوَاتِ ، وَعَمَرَ بَاطِنَهُ بِالْمُرَاقَبَةِ وَظَاهِرَهُ بِاتِّبَاعِ السُّنَّةِ ، وَتَعَوَّدَ أَكْلَ الْحَلَالِ لَمْ تُخْطِئْ فِرَاسَتُهُ “. ”

Dan telah berkata [‘Amrū ibn Nujīd] bahawa Shāh al-Kirmānī merupakan seorang yang tepat firasatnya, tidak pernah tersasar telah berkata: “Barang siapa yang menundukkan pandangannya daripada perkara yang haram, dan menahan dirinya daripada nafsu syahwat, dan memakmurkan batinnya dengan sentiasa bermuraqabah dan zahirnya dengan mengikut Sunnah, serta melazimkan dirinya memakan makanan yang halal, maka firasatnya tidak akan tersasar”.

Kemampuan luar biasa atau super natural ini berlaku secara kebetulan dan tidak dihajati. Seseorang yang dianugerahkan dengan kebolehan firasat yang benar itu akan dapat melihat dengan cahaya Allah SWT yang masuk ke dalam hatinya. Mereka hanya melakukan riadah bagi mendekati diri kepada Allah SWT (Hashim, 2007). Orang yang beriman itu seperti mana firman Allah SWT di dalam surah *al-Anfāl* ayat 2:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

Maksudnya:

“*Sesungguhnya orang-orang yang beriman ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gemetarlah hatinya dan apabila dibacakan ayat-ayatnya, menjadikan mereka bertambah (kuat) imannya, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka bertawakal*”.

Sehubungan dengan itu, setiap sesuatu yang tidak berdasarkan pemahaman dan ilmu yang benar akan memberi kesan buruk kepada masyarakat jika ia terus menjadi pegangan. Begitu juga firasat, sekiranya masyarakat tidak memahami dengan cara yang benar dibimbangi akan memberi kesan yang mendalam kepada umat Islam. Implikasi atau kesan daripada pemahaman berkaitan firasat yang tidak benar ini boleh ditinjau dari pelbagai aspek, antaranya:

i. Akidah

Akidah merupakan asas penting yang perlu ada bagi diri setiap insan yang bergelar Muslim. Tanpa akidah yang mantap dan jitu, hilanglah keseimbangan dalam kehidupan bermasyarakat, lahirilah kekacauan dalam kehidupan seharian (Wazir, Usman, Sudi, & Rahman, 2018). Umat Islam secara amnya tidak pernah sunyi daripada gejala-gejala yang boleh menyebabkan penyelewengan dan kerosakan akidah. Sejak daripada zaman Nabi Muhammad SAW sehinggalah sekarang memang tidak dapat lari dari gejala sedemikian (Siti Zubaidah Ismail, 2010: 247).

Di antara punca besar berlakunya pemahaman yang salah terhadap firasat dalam kalangan umat Islam adalah kerana kurangnya ilmu pengetahuan dan kuatnya kepercayaan kepada mereka yang mampu meramalkan perkara-perkara yang ghaib seperti bomoh, tukang tilik dan tukang ramal. Sedangkan Allah SWT telah berfirman dalam surah *al-Naml* ayat 65:

قُلْ لَا يَعْلَمُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ الْغَيْبَ إِلَّا اللَّهُ وَمَا يَشْعُرُونَ أَيَّانَ يُبْعَثُونَ ﴿٦٥﴾

Maksudnya:

“Katakanlah (Muhammad), Tiada sesiapa pun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara ghaib melainkan Allah. Dan tiadalah mereka menyedari bilakah mereka akan dibangkitkan”.

Apabila umat Islam mula mempercayai segala apa yang dikatakan oleh bomoh, tukang ramal dan tukang tilik itu, maka dengan mudah mereka (jin) menyesatkan anak-anak Adam. Maka perkara yang merosakkan akidah umat Islam iaitu mensyirikkan Allah SWT akan berlaku akibat dari perbuatan mereka yang mempercayai dan meminta pertolongan selain dari Allah SWT dan mereka cuba mendahului aturan Tuhan.

ii. Syariah

Apabila pemahaman tentang sesuatu firasat itu salah, sedikit banyak ia telah menjejaskan amalan ibadah seseorang. Ibadah yang selama ini mereka lakukan akan rosak dan dikhuatiri tidak akan diterima di sisi Allah SWT. Sebagaimana yang diriwayatkan oleh Şafiyah RA dan sebahagian isteri Rasulullah SAW bahawa Baginda SAW bersabda:

عَنْ صَفِيَّةَ عَنِ بَعْضِ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ أَتَى عَرَاةً فَسَأَلَهُ عَنْ شَيْءٍ لَمْ تُقْبَلْ لَهُ صَلَاةٌ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً

[Muslim, *Kitāb al-Salām, Bāb Tahrim al-Kahānah wa ityān al-Kahhān*, No. 2330]

Maksudnya:

“Barangsiapa yang mendatangi bomoh kemudian bertanya tentang sesuatu perkara, maka tidak diterima solatnya selama empat puluh malam.”

Akibat dari mempercayai dan membenarkan segala ramalan tukang tilik dan bomoh ini menyebabkan rosaknya amalan dan amal ibadah umat Islam (Kasmo, Usman, Bashir, Siran,

Alias, & Umar, 2015). Oleh kerana itu, ditakuti amalan-amalan yang lain juga akan turut terjejas di atas pemahaman firasat yang salah.

iii. Akhlak

Umat Islam di anjurkan supaya mengamalkan akhlak terpuji tidak kira sesama agama atau pun yang berlainan agama. Jika tiadanya akhlak yang baik dan terpuji, maka kacau bilaulah di dalam kehidupan bermasyarakat (Salleh, Tamuri, Usman, Haridi, & Zabidi, 2015).

Selain memberikan implikasi negatif kepada akidah dan ibadah seorang Muslim, firasat yang salah ini juga turut memberikan kesan buruk kepada akhlak dan sikap seorang Muslim. Lebih buruk lagi, apabila sesuatu berita yang didapati dari bomoh dan tukang tilik yang didatangi itu membuatkan orang mempercayainya menyampaikan fitnah. Sedangkan Allah SWT telah berfirman di dalam al-Quran tentang bahayanya fitnah itu pada surah *al-Baqarah* ayat 191:

وَأَقْتُلُوهُمْ حَيْثُ تَقِفْتُمُوهُمْ وَأَخْرِجُوهُمْ مِّنْ حَيْثُ أَخْرَجْتُمُوهُمْ وَالْفِتْنَةُ أَشَدُّ مِنَ الْقَتْلِ وَلَا تَقْتُلُوهُمْ عِنْدَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ حَتَّىٰ يَقْتُلُوكُمْ فِيهِ فَإِن قَتَلْتُمُوهُمْ فَاقْتُلُوهُمْ كَذَلِكَ جَزَاءُ الْكٰفِرِينَ ﴿١٩١﴾

Maksudnya:

Dan bunuhlah mereka di mana sahaja kamu temui mereka, dan usirlah mereka daripada tempat yang mereka telah mengusir mereka. Dan fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan. Dan janganlah kamu perangi mereka di sekitar Masjidil Haram kecuali jika mereka memerangi kamu di tempat itu. Jika mereka memerangi kamu, maka perangilah mereka. Demikianlah balasan orang bagi orang kafir.

Fitnah yang terus berlaku bukan sekadar mencemarkan dan merosakkan akhlak seseorang itu, bahkan kesucian agama Islam itu jua turut tercemar sekali gus merendahkan kualiti Islam di pandangan penganut agama yang lain. Fitnah ini boleh dikatakan telah menjadi satu musibah yang besar dan berat kepada umat Islam. Oleh sebab itu, sesiapa yang memfitnah dan terfitnah dalam keadaan tersebut dikatakan di dalam al-Quran dosanya lebih besar daripada membunuh manusia.

5. Penutup

Berdasarkan kajian yang dilakukan berpandukan kitab tafsir muktabar dan telaah yang telah dibuat, dapat dijelaskan bahawa apa yang di maksudkan *li al-Mutawasimīn* adalah orang yang berfirasat. Maksud firasat di situ ialah tanda-tanda atau pun kelebihan yang Allah SWT berikan kepada hambanya untuk diperhatikan dengan telus dan teliti, difahami dengan bijaksana berdasarkan tanda-tanda yang Allah SWT berikan sebagai peringatan untuk hambanya. Firasat itu juga adalah mereka yang memerhatikan dengan teliti berdasarkan penelitian tanda-tanda dan petunjuk, mencari sebab dan akibat dari sesuatu, serta mengambil pelajaran darinya. Namun begitu, perlu ditekankan di sini bahawa setiap orang tidak boleh mengakui bahawa dirinya mempunyai firasat yang benar atau bahkan memutuskan sesuatu perkara dengan firasat, walaupun tanpa ada tanda atau bukti yang boleh di pertanggungjawabkan sama ada mengikut hukum Islam mahupun secara akal logik yang sihat.

Rujukan

- ‘Abd al-Bāqī, Muḥammad Fu‘ād. 1945. *al-Mu‘jam al-mufahras li alfāz al-Qur‘ān al-Karīm*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- al-Farrā’, Abū Zakariyyā Yaḥyā ibn Ziyād. 1955. *Ma‘ānī al-Qur‘ān*. Jil. 2. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- al-Qushairī, ‘Abd al-Karīm. 2007. *Risālah al-Qushairiyyah*. Terj. Umar Faruq. Jakarta: Pustaka Amani.
- al-Rāzī, Fakhr al-Din. 1981. *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*. Jil. 19. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Shanqīṭī, Muhammad Al-Amīn ibn Muḥammad al-Mukhtār. 1995. *Tafsīr Aḍwā’ al-Bayān*. Jil. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn Abū Bakr. 1987. *Miftāḥ al-Jannah fī al-Ihtijāj bi al-Sunnah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Ṭābarī, Abu Ja‘far Muḥammad ibn Jarīr. 2009. *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl al-Qur‘ān*. Jil. 17. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- al-Tirmidhī, Abī ‘Īsā ibn Muḥammad ibn ‘Īsā ibn Samūrah. t.th. *Sunan al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Anon. 1990. *Mu‘jam Alfāz al-Qur‘ān al-Karīm*. Jil. 2. Kaherah: Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah.
- Aziz, S. F. A., & Yunos, Y. (2018). Ilmu Firasat Melayu Dalam MS 174. *Persidangan Siswazah Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu*, 163.
- HAMKA. 2007. *Tafsir Al-Azhar*. Jil. 5. Jakarta: t.pt.
- Hasan Hj. Hamzah. 2006. *Kamus Melayu Global*. Kuala Lumpur: Anzagain.
- Hashim, S. (2007). *Teori personaliti dari perspektif Islam, timur & barat*. Kuala Lumpur: PTS Professional.
- Heri MS Faridy, et. al. 2008. *Ensiklopedia Tasawuf*. Bandung: Angkasa.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā’ ‘Imād al-Dīn Ismā‘īl ibn ‘Umar al-Qurshī al-Dimashqī. 2002. *Tafsīr al-Qur‘ān al-‘Aẓīm*. Jil. 4. Beirut: Dār al-Ṭayyibah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah. 1996. *Madārij al-Sālikīn bayn Manāzil Iyyāka Na‘bud wa Iyyāka Nasta‘īn*. Jil. 2. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- Ibn Taimiyyah, Taqī al-Dīn Aḥmad. 2005. *Majmū‘ah Fatāwā*. Jil. 17. al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’.
- Ibrahim, M., Usman, A. H., & Ali, M. A. M. 2014. Qur’anic Brevity and Verbosity: What and How?. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(20), p. 1939.
- Kasmo, M. A., Usman, A. H., Bashir, A., Siran, F. H., Alias, J., & Umar, A. (2015). The Attitude of Malaysia Toward the Islamic Law: A Comparative Study across the Society. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(2 S1), 110.
- M. Quraish Shihab. 2009. *Tafsir Al-Mishbah: Kesan, Pesan dan Kesorasian al-Quran*. Jil. 6. Jakarta: Lentera Hati.
- Muslim, al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī. 2005. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Kaherah: Dār Iḥyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Noresah Baharom, et. al. 2007. *Kamus Dewan*. Ed. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramli, W. A. W., & Ab Majid, M. K. (2005). Pemikiran Islam: Suatu Analisis Konseptual Kontemporari. *Jurnal Usuluddin*, 22, 1-26.
- Salleh, N. M., Tamuri, A. H., Usman, A. H., Haridi, N. H. M., & Zabidi, M. M. (2015). The Internalization of Islamic Creed among the Muslim Adolescents in Malaysia. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(6 S4), 18.
- Siti Zubaidah Ismail. 2010. Menangani Ajaran Sesat di Malaysia: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran. *Jurnal Syariah*, Vol. 18, No. 2, hal. 247-276.

- Usman, A. H., Wazir, R., & Ismail, Z. 2017. The Notion of Liberalisation on The Anti-Hadith Movement and its Impact on Society. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, Vol. 2, No. 2, pp. 81-94.
- Wazir, R., Usman, A. H., Sudi, S., & Rahman, A. A. 2018. The Implications of Anti-Hadith Deviation Toward the Muslim Community. *Advanced Science Letters*, 24(4), 2417-2420.
- Yusuf, M. A. B. M., & Ibrahim, B. B. (2015). Institusi Pendidikan Islam Dan Fungsinya Sebagai Sumber Pengetahuan Ilmu Faraid Dalam Kalangan Masyarakat Islam Di Pulau Duyong, Kuala Terengganu. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 10(2), 49-67.

Author's Biography

Abur Hamdi Usman, is a Ph.D holder of Islamic studies at the Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia. He received M.Phil and Ph.D in Sciences of the Qur'an. He was a student in the University of Al-Azhar, Cairo, Egypt. He has published numerous refereed articles on Theology, Quranic exegesis, Hadith, Education and Islamic studies. His areas of interest include the Sciences of Quran and Hadith Studies. He travels and lectures widely. Currently, He is a Senior lecturer at Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). He can be contacted at aburhamdi@kuis.edu.my.